

TARIKH	AHAD, 9 JANUARI 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KPKT URUS 50,000 TAN SISA BANJIR
M/S	5
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE MANAGEMENT

Peruntukkan RM12.5 juta urus sisa pepejal dan pembersihan awam

KPKT urus 50,000 tan sisa banjir

Oleh SUBKHI SUDARJI

PUTRAJAYA - Hampir 50,000 tan sisa banjir dikeluarkan dan diuruskan pelupusannya di seluruh Selangor setakat ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, lebih 20,000 tan sisa banjir yang diuruskan melibatkan kawasan Shah Alam.

"Tahniah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Shah Alam yang membantu rakyat pada fasa pasca banjir.

"Hasilnya, hampir 50,000 tan sisa banjir dikeluarkan dan diuruskan pelupusannya di seluruh Selangor setakat ini (semalam)," katanya selepas menyertai program Mega Pembersihan Pasca Banjir di Shah Alam semalam.

Program itu turut disertai Menteri Besar Selangor, Da-



TIMBUNAN sampah sarap yang dikutip di Taman Sri Muda dan dikumpulkan di Pusat Transit Sisa Banjir, Seksyen 21, Shah Alam. - AFIQ RAZALI

tuk Seri Amirudin Shari; Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor dan Pengerusi SWCorp, Datuk Rizal-

man Mokhtar.

Mengulas lanjut, Reezal memberitahu, sebanyak RM12.5 juta telah dibelanjakan bagi mengu-

ruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang terjejas banjir setakat semalam.

Daripada jumlah itu, sebanyak

RM5.037 juta dibelanjakan bagi tujuan pembersihan sampah-sarap banjir di Selangor.

Program itu merupakan pelengkap kepada kerja-kerja pengurusan sisa banjir yang telah berjalan sejak bulan lalu.

Tambah beliau, hampir 2,000 sukarelawan dan pekerja pembersihan turun ke Sri Muda, Shah Alam semalam untuk melaksanakan pembersihan khususnya saluran perparitan yang tidak dapat dicapai oleh jentera pembersihan.

"Alhamdulillah, saya berbangga dengan KPKT yang sentiasa berada di setiap lokasi kejadian bah membabitkan SWCorp, syarikat konsesi, Jabatan Bomba dan Penyelamat sehinggalah sukarelawan MyLiveable Squad," ujarnya.

Jelas Reezal Merican, usaha yang dilakukan di Selangor ketika ini akan menjadi contoh bagi gerak kerja pasca banjir di negeri-negeri lain pada masa akan datang.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM

2-CARLOS LINTON (S19), BPM

UNIT PERPUSTAKAAN, BPM